



Mun Yee Olahragawati MASUM, Hafizuddin Bintang Harapan



Mun Yee (kiri) dan Hafizuddin bersama piala pusingan.

KANGAR, 10 April – Atlet terjun negara, Leong Mun Yee dinobatkan sebagai Olahragawati Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) berdasarkan kecemerlangan meraih 2 pingat emas semasa Kejohanan Sukan SEA ke-25 Vientiane, Laos pada Disember lalu.

Beliau menerima hadiah RM3,000 dan piala pusingan daripada Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putera Jamalullail selaku Canselor Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) pada Majlis Anugerah Sukan MASUM 2009 di sini.

Mun Yee menewaskan atlet memanah Nurhidayah Abdul Latip dari UiTM dan atlet bola jaring Aruna Santhappan dari UTM.

“Saya tidak menjangka memenangi anugerah kerana tidak mengetahui prestasi pesaing. Walau bagaimanapun anugerah ini menyuntik semangat saya untuk mendapatkan pingat dalam Sukan Asia pada bulan Oktober ini,” katanya yang merupakan pelajar tahun 2 Jabatan Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi.



Mun Yee dan Hafizuddin (kiri) bersama Ketua Pusat Sukan UPM, Hamzah Ismail (2 kiri) dan Ketua Unit Hal Ehwal Atlet Zainal Mukri (kanan).

Seorang lagi atlet lompat bergaloh negara dari Universiti Putra Malaysia (UPM) Muhamad Hafizuddin Sahadan dinobatkan sebagai penerima anugerah Bintang Harapan Lelaki dengan membawa pulang hadiah RM1,000 dan piala.

Walaupun bagaimanapun, atlet wushu negara dari UPM yang dua kali mendominasi pertandingan wushu dunia, Lee Yang tewas dalam persaingan sengit merebut Olahragawan MASUM di tangan petinju pingat emas Sukan SEA Laos dari UiTM Muhamad Farkhan Mohd Haron.



Penerima anugerah bersama Tuanku Syed Faizuddin (tengah).

Atlet UPM sebelum ini mendominasi anugerah Olahragawan dan Olahragawati MASUM dua tahun berturut-turut sejak 2007.

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.
(Khairul Anuar Muhamad Noh 03-89467469)**

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia